

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **LISAN**
- DARIPADA** : **TUAN ANUAR BIN ABD MANAP [SEKIJANG]**
- TARIKH** : **8 APRIL 2015 (RABU)**
- SOALAN** : **Tuan Anuar bin Abd Manap [Sekijang] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:**
- a) apakah keberkesanan pencapaian dan penglibatan belia dalam Program Agropreneur Muda yang diperkenal oleh pihak Kementerian sejak 2 tahun lepas.
 - b) apakah pencapaian Program Jihad Memerangi Orang Tengah yang dilancarkan tahun 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- a. Kementerian telah mengambil langkah positif untuk menarik lebih ramai penglibatan generasi muda di dalam sektor pertanian melalui penubuhan Unit Agropreneur Muda (UAM). Melalui unit ini, pelbagai program telah dilaksanakan sejak ditubuhkan pada September 2013. Sehingga 28 Februari 2015 pencapaian Unit Agropreneur Muda adalah seperti berikut:

- i. Pendaftaran 3,963 peserta di dalam program pembangunan agropreneur muda Kementerian;
- ii. 67 Program promosi dan *roadshow* bagi menarik minat generasi belia untuk menceburi bidang pertanian;
- iii. 32 Siri program latihan dan khidmat nasihat dalam pelbagai bidang pertanian serta pembangunan usahawan melibatkan 2,423 peserta;
- iv. Penyediaan pakej keusahawanan mengikut subsektor pertanian untuk diceburi oleh generasi belia yang merangkumi pelbagai aktiviti sub sektor seperti tanaman, perikanan, ternakan, pemasaran dan teknologi & inovasi; dan
- v. Bantuan kewangan yang disediakan untuk pembangunan usahawan tani muda yang dilaksanakan oleh Jabatan & Agensi di bawah Kementerian adalah pinjaman laluan mudah melalui AgroBank dan TEKUN Nasional.

Sehingga 28 Februari 2015, sejumlah 292 permohonan pembiayaan dengan nilai RM36.4 juta telah diterima, daripada jumlah itu, sebanyak 169 permohonan bernilai RM12.42 juta telah diluluskan oleh Agrobank dan TEKUN Nasional.

- b. Sepanjang tahun 2014, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian ke arah memerangi manipulasi dan monopoli orang tengah dalam Sektor Agromakanan Negara. Daripada aspek penurunan harga, antara impak yang dapat dirasai hasil daripada Program Jihad Memerangi Orang Tengah setakat ini ialah para pengguna mendapat bekalan yang lebih segar dengan harga yang lebih murah, manakala pendapatan petani, nelayan dapat ditingkatkan. Untuk pendapatan pesawah, pendapatan mereka meningkat kepada 9%; kepada nelayan zon 'A' iaitu nelayan pantai, pendapatan mereka meningkat 10% hingga 20%; kepada pengeluar

sayur, peningkatan pendapatan sebanyak 145%; dan peningkatan pendapatan bagi pemasar buah-buahan sebanyak 109%. Apa yang lebih penting adalah bukan sahaja pendapatan dapat ditingkatkan tetapi harga juga dapat dikurangkan di antara 5% hingga 20%.